



**NATIONAL SPACE CHALLENGE
PRIME MINISTER'S TROPHY 2017**

MAKLUMAT DAN PERATURAN UMUM

A. MAKLUMAT UMUM

1. Tarikh : 13 hingga 16 Oktober 2017 (Jumaat hingga Isnin)
2. Aturcara : Sila rujuk **Lampiran C**
3. Lokasi
 - 3.1 Penginapan : Mandarin Court Hotel
55 Jalan Maharajalela
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03 – 2273 9933
 - 3.2 Program : Planetarium negara
53 Jalan Perdana
50480 Kuala Lumpur
4. Pendaftaran

Tarikh	: 13 Oktober 2017 (Jumaat)
Masa	: 10.30 pagi hingga 2.30 petang
Tempat	: Planetarium Negara 53 Jalan Perdana 50480 Kuala Lumpur
5. Projek Pusingan Pertama :

Setiap pasukan yang layak dikehendaki menyediakan satu projek untuk Pusingan pertama iaitu Poster Grafik “Exploring New Worlds In Space” dengan berpandukan maklumat seperti di **Lampiran D**.
6. Tarikh tutup penyertaan :

Borang Penyertaan di **Lampiran E WAJIB** diisi oleh setiap pasukan dan dikembalikan kepada pihak penganjur **selewat-lewatnya 04 Oktober 2017 (Rabu)** melalui faksimili 03-2273 5488 dan emel fazilah@planet.gov.my.

B. PERATURAN UMUM

1. Program *National Space Challenge Prime Minister's Trophy* 2017 (NSC2017) terbahagi kepada tiga (3) peringkat utama seperti berikut:
 - 1.1 Pusingan Pertama : 14 Oktober 2017;
 - 1.2 Pusingan Kedua : 14 dan 15 Oktober 2017; dan
 - 1.3 Pusingan Akhir : 16 Oktober 2017
2. Murid yang layak ke Program NSC2017 adalah berdasarkan kepada markah kumulatif pasukan yang tertinggi dalam Ujian Kelayakan NSC2017 mengikut negeri.
3. Penyertaan murid adalah secara berpasukan iaitu setiap pasukan terdiri daripada :
 - 3.1 dua (2) murid sahaja (sama ada dua murid Tahun 4 atau dua murid Tahun 5)*; dan diiringi
 - 3.2 seorang (1) guru pembimbing yang layak dan beropsyen Sains**

* Kombinasi seorang pelajar Tahun 4 dan seorang pelajar Tahun 5 dalam satu pasukan adalah **TIDAK** dibenarkan.

** Guru pembimbing tambahan adalah **TIDAK** dibenarkan
4. Pertukaran murid dalam pasukan adalah **TIDAK** dibenarkan.
5. Bahasa yang digunakan semasa NSC2017 ialah dwibahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.
6. Pasukan yang layak ke NSC2017 akan dimaklumkan secara surat menyurat dan diumumkan melalui laman sesawang Planetarium Negara iaitu <http://www.planetariumnegara.gov.my>.
7. Kos perjalanan dari rumah ke destinasi Program NSC2017 adalah atas tanggungan sendiri (sila berhubung dengan Jabatan Pendidikan Negeri/ wilayah Persekutuan masing-masing bagi urusan perjalanan ke destinasi program).
8. Kemudahan penginapan, makan minum dan pengangkutan semasa Program NSV2017 akan disediakan oleh penganjur kepada semua pasukan.
9. Murid dikehendaki memakai pakaian seragam sekolah/ kemeja T sekolah semasa pendaftaran.
10. Murid dan guru adalah dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi arahan semasa dalam program NSC2017.
11. Guru pembimbing adalah dinasihatkan supaya sentiasa memerhati dan menjaga pergerakan serta disiplin murid sepanjang tempoh dalam Program NSc2017.

12. Semua murid dan guru adalah tidak dibenarkan meninggalkan lokasi pertandingan dan penginapan tanpa kebenaran Urusetia NSC2017.
13. Guru pembimbing adalah **WAJIB** menginap bersama murid di tempat penginapan yang telah disediakan.
14. Gangguan, campur tangan dan kehadiran pihak ketiga sepanjang program dilaksanakan adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan pihak penganjur adalah berhak **MEMBATALKAN** penyertaan pasukan dengan serta merta.
15. Pihak Urusetia NSC2017 adalah berhak **MEMBATALKAN** penyertaan mana-mana pasukan yang tidak mematuhi arahan, bermasalah disiplin atau mengganggu keselamatan peserta lain.
16. Pihak Urusetia NSC2017 tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan yang disebabkan oleh kecuaiian murid dan guru.
17. Semua aktiviti program adalah tertakluk kepada perubahan mengikut kesesuaian.
18. Keputusan panel hakim adalah muktamad sepanjang Program NSC2017 dijalankan.
19. Semua syarat dan peraturan Program NSC2017 adalah tertakluk kepada perubahan semasa tanpa notis awal.

C. SENARAI KEPERLUAN

Berikut adalah disenaraikan cadangan barang atau bahan yang perlu dibawa oleh peserta dan guru pembimbing sepanjang Program NSC2017.

1. Pasukan

Bahan dan peralatan untuk Projek Pusingan Pertama

2. Murid

- i. Pakaian seragam/ kemeja t sekolah (semasa Pendaftaran dan Program NSC2017);
- ii. Pakaian sukan seperti *tracksuit* dan kemeja T sekolah (semasa Program NSC2017 dan Lawatan Sambil Belajar);
- iii. Kasut sekolah/ sukan dan selipar;
- iv. Ubat peribadi;
- v. Buku nota dan alat tulis;
- vi. *Toiletries*;
- vii. Baju sejuk; dan
- viii. Lain-lain keperluan

3. Guru

- i. Pakaian tugas rasmi/ *smart casual* (semasa Bengkel Guru, Lawatan Sambil Belajar dan Majlis Perasmian Penutup NSc2017);
- ii. Kasut dan selipar;
- iii. Ubat peribadi;
- iv. Buku nota dan alat tulis;
- v. *Toiletries*;
- vi. Baju sejuk; dan
- vii. Lain-lain keperluan